



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBr.
Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan Kementerian ini bertarikh 20 April 2023 (Khamis) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<p>Fahami Kepentingan Imunisasi Dan Vaksin Kanak-Kanak – Pakar</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/fahami-kepentingan-imunisasi-dan-vaksin-kanakkanak-pakar-416217</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2183140</p>	<p>Awani</p> <p>Bernamea</p>
2	<p>KPWKM Edar 3000 PEK Bubur Lambuk</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=qLS-bQJkS6s</p>	Berita RTM
3	<p>Wanita Mangsa Rogol Ditemui Trauma Di Tepi Jalan</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1092082/wanita-mangsa-rogol-ditemui-trauma-di-tepi-jalan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/255300/berita/semasa/wanita-dipercayai-dirogol-ditemukan-trauma-menangis</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p>

4	<p>Wanita Indonesia Jadi Buruh Paksa Diselamatkan</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/04/19/wanita-indonesia-jadi-buruh-paksa-diselamatkan/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1092002/wanita-indonesia-jadi-buruh-paksa-dilarang-solat-dan-berpuasa</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/255256/berita/semasa/wanita-indonesia-jadi-mangsa-buruh-paksa-diselamatkan</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/04/buruh-paksa-jtk-negeri-sembilan-selamatkan-pembantu-rumah-indonesia/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-indonesia-jadi-mangsa-buruh-paksa-diselamatkan-416202</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Awani</p>
5	<p>Wanita Warga Emas Cedera Akibat Diragut</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/wanita-warga-emas-cedera-akibat-diragut/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/958548/warga-emas-cedera-diragut</p>	<p>Utusan</p> <p>Harian Metro</p>
6	<p>Dua Wanita Nyaris Rentung Langgar Belakang Lori</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/19/dua-wanita-nyaris-rentung-langgar-belakang-lori/</p>	<p>Kosmo</p>
7	<p>Kelucahan Melampau Terhadap 4 Wanita, Remaja Lelaki Mengaku Bersalah</p> <p>https://sarawakvoice.com/kelucahan-melampau-terhadap-4-wanita-remaja-lelaki-mengaku-bersalah/</p>	<p>Sarawak Voice</p>
8	<p>Warga Emas Hilang Ketika berbasikal ditemukan lemas di Tasik Biru</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-hilang-ketika-berbasikal-ditemukan-lemas-di-tasik-biru-416201</p>	<p>Awani</p>

<p>9</p>	<p>Anak Cucu Tidak Kunjung Tiba, Rupanya Mati Kemalangan</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/19/anak-cucu-tidak-kunjung-tiba-rupanya-mati-kemalangan/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/958751/ingat-arwah-anak-cucu-berhenti-rehat</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1091974/ingat-arwah-anak-cucu-berhenti-rehat-tidur?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp</p>	<p>Kosmo</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p>
<p>10</p>	<p>Sederetan Rumah Kedai Lima Pintu Terbakar</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2183169</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/255284/berita/semasa/sederet-rumah-kedai-lima-pintu-terbakar</p>	<p>Bernamea</p> <p>Sinar Harian</p>

Fahami Kepentingan Imunisasi Dan Vaksin Kanak-Kanak – Pakar

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/fahami-kepentingan-imunisasi-dan-vaksin-kanakkanak-pakar-416217>

Sumber: Awani



Pemvaksinan merupakan langkah paling berkesan, selamat serta bijak bagi menghasilkan perlindungan. - Gambar fail

KUALA LUMPUR: Vaksinasi ialah kaedah yang paling biasa untuk meningkatkan imunisasi, kerana ia adalah cara yang paling mudah, selamat dan paling berkesan untuk mencegah penyakit, terutamanya dalam kalangan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan tambahan daripada dijangkiti penyakit.

Pakar Perunding Pediatrik dan Neonatologi, Pusat Perubatan Sunway, Dr Lee Mei Ling, berkata pemvaksinan kanak-kanak amat penting kerana ia melindungi dan mengurangkan risiko mereka dijangkiti penyakit serius atau penyakit yang boleh membawa maut.

"Imunisasi adalah proses pembentukan antibodi oleh tubuh bagi menghasilkan imuniti terhadap jangkitan penyakit, hasil daripada tindak balas tubuh terhadap vaksin.

"Apabila kanak-kanak diberi satu atau dos tambahan suntikan vaksin, mereka akan dilindungi selama bertahun-tahun dan ini terbukti bahawa pemvaksinan merupakan langkah paling berkesan, selamat serta bijak bagi menghasilkan perlindungan (imuniti)," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Dr Lee berkata berdasarkan Jadual Imunisasi Program Imunisasi Kebangsaan (NIP), vaksin disediakan secara percuma di semua klinik dan hospital kerajaan di seluruh negara bagi membolehkan kanak-kanak menerima suntikan seperti yang dijadualkan.

Beliau berkata selain vaksin Japanese encephalitis yang hanya diwajibkan di Sarawak, setiap kanak-kanak mesti menerima vaksin mengikut jadual melainkan ia disebabkan sebarang penyakit atau keadaan perubahan yang memerlukan perbincangan lanjut dengan doktor.

Vaksin diberikan melalui Jadual NIP bertujuan mencegah daripada 13 jenis penyakit berjangkit, iaitu komplikasi tuberkulosis, Hepatitis B, difteria, pertussis (batuk kokol), polio, tetanus (kancing gigi), komplikasi akibat jangkitan Haemophilus influenzae jenis B, measles, beguk, rubella, penyakit pneumokokal invasif dan jangkitan Human Papilloma Virus (HPV).

NIP diperkenalkan sejak 1950-an dan dirangka berdasarkan Program Lanjutan Imunisasi (EPI) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Menurut Dr Lee, tindak balas imuniti terhadap antigen dan imunisasi boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu tindak balas primer atau tindak balas sekunder.

"Tindak balas imuniti primer terhadap antigen mengambil masa antara 10 hingga 14 hari bagi membolehkan badan menghasilkan antibodi.

"Bagi tindak balas imuniti sekunder terhadap patogen yang sama, sel memori yang dihasilkan sebelum ini akan bertindak balas dengan lebih pantas untuk menghasilkan antibodi bagi mengelakkan jangkitan iaitu membunuh patogen sebelum ia menyebabkan seseorang itu jatuh sakit," katanya.

Katanya, bukan semua vaksin akan menjamin imuniti sepanjang hayat manakala tetanus atau influenza akan bertahan selama bertahun-tahun namun perlu diberi suntikan secara berkala bagi memastikan mereka terus dilindungi daripada penyakit tersebut.

Dr Lee menjelaskan isu kanak-kanak terlepas peluang untuk menerima vaksinasi kerana kegagalan ibu bapa menyemak status vaksin anak-anak selain kurang arif tentang kontraindikasi vaksinasi.

"Sekiranya kanak-kanak tidak diberi suntikan vaksin, mereka akan terdedah dengan risiko dijangkiti penyakit yang sepatutnya boleh dicegah menerusi suntikan vaksin," katanya.

Menurutnya, manfaat yang diterima jauh lebih banyak berbanding kesan sampingan yang mungkin berlaku.

Katanya, ibu bapa juga disaran untuk mendengar pandangan atau pendapat pakar perubatan berkaitan sebelum membuat sebarang keputusan berhubung imunisasi.

Wanita Dipercayai Dirogol Ditemukan Trauma, Menangis

<https://www.sinarharian.com.my/article/255300/berita/semasa/wanita-dipercayai-dirogol-ditemukan-trauma-menangis>

Sumber: Sinar Harian



Mangsa ditemukan orang awam dalam keadaan trauma dan menangis. - Gambar hiasan 123rf

IPOH - Seorang wanita cedera di kaki akibat terjatuh dari rumahnya ketika menyelamatkan diri selepas diperkosa seorang penagih dalam kejadian di Fair Park di sini pada Selasa.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Yahaya Hassan berkata, mangsa berusia 38 tahun itu ditemukan orang awam dalam keadaan trauma dan menangis sebelum pasukan dari Balai Polis Sungai Senam memberi bantuan sekitar jam 9.15 pagi.

"Hasil siasatan awal, mangsa dirogol oleh seorang lelaki yang tidak dikenali sebelum menyelamatkan diri dan mengalami kecederaan di bahagian kaki akibat terjatuh dari tempat tinggi.

"Hasil tindakan pantas pasukan, suspek berusia 43 tahun berjaya diberkas di rumah mangsa," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Menurut beliau, suspek ditahan bersama senjata seperti gunting, pisau dan kuku kambing.

"Semakan lanjut mendapati suspek memiliki beberapa rekod lampau dalam jenayah narkotik dan dia didapati positif dadah jenis methamphetamine menerusi ujian saringan air kencing.

"Mangsa pula dibawa mendapatkan rawatan di Hospital Raja Permaisuri Bainun dan kini disahkan dalam keadaan stabil," katanya.

Yahaya berkata, suspek direman selama tujuh hari sehingga 25 April untuk siasatan lanjut.

"Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana merogol.

"Polis sedang melengkapkan siasatan dan kertas siasatan akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk cadangan pertuduhan dalam masa terdekat," katanya.



Keadaan SUV tersebut yang terbakar selepas melanggar belakang lori di KESAS, Selangor malam tadi.

Dua Wanita Nyaris Rentung Langgar Belakang Lori

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/19/dua-wanita-nyaris-rentung-langgar-belakang-lori/>

Sumber: Kosmo

SHAH ALAM – Dua wanita terselamat daripada rentung apabila kenderaan dinaiki terbakar selepas melanggar belakang lori membawa muatan air di Kilometer 31.7 Lebuhraya Shah Alam (KESAS) malam tadi.

Pengarah Bomba Selangor, Morni Mamat berkata, seramai 13 anggota termasuk pegawai bergegas ke lokasi kejadian sebaik menerima panggilan kecemasan pukul 11.05 malam sebelum tiba di lokasi kejadian enam minit kemudian.

Katanya, berdasarkan laporan awal kemalangan melibatkan sebuah kenderaan pelbagai guna (SUV) jenis Proton X70 melanggar lori tiga tan membawa muatan air.

“Pelanggaran itu menyebabkan SUV itu terbakar 50 peratus manakala lori tersebut tiga peratus.

“Dua wanita berusia 37 tahun cedera ringan sebelum dihantar ke Hospital Shah Alam,” katanya dalam kenyataan hari ini. – KOSMO! ONLINE

Buruh paksa: JTK Negeri Sembilan Selamatkan Pembantu Rumah Indonesia

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/04/buruh-paksa-jtk-negeri-sembilan-selamatkan-pembantu-rumah-indonesia/>

Sumber: Utusan



PEGAWAI JTK Negeri Sembilan ketika menyelamatkan seorang pembantu rumah warganegara Indonesia dalam Op Sauvetage yang dijalankan di sebuah rumah di Port Dickson, kelmarin.

SEREMBAN: Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Sembilan telah berjaya menyelamatkan seorang Pembantu Domestik Indonesia (PDI) menerusi satu operasi yang dijalankan di sebuah rumah di Port Dickson, kelmarin.

Pengarah JTK Negeri Sembilan, Roslan Bahari berkata, operasi dikenali sebagai Op Sauvetage (Menyelamat) itu dilakukan selepas aduan diterima daripada pihak Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI) di Kuala Lumpur yang memaklumkan terdapat seorang pembantu rumah rakyat negara itu yang berkemungkinan telah dieksploitasi oleh majikan. Jelas beliau, susulan itu, risikan telah dijalankan dan mendapati bahawa memang terdapat seorang pembantu rumah yang berada di lokasi yang dimaklumkan oleh pihak KBRI.

Katanya, pada pukul 9.30 malam 17 April lalu, satu operasi seterusnya dilakukan oleh pihak JTK dan berjaya menemui seorang wanita berusia 40 tahun yang mengaku sebagai mangsa seperti dimaklumkan pihak kedutaan.

“Hasil siasatan mendapati, mangsa mula bekerja dengan majikan sejeurus sahaja sampai ke Malaysia pada bulan Oktober 2022. Pada mulanya, gaji mangsa tidak dibayar dari bulan November sehingga Disember 2022 atas alasan membayar balik kos membawa mangsa masuk ke negara ini namun gaji dibayar penuh bermula bulan Januari lalu.

“Namun demikian, siasatan lanjut mendapati keadaan yang menimpa mangsa menunjukkan wujudnya indikator buruh paksa di mana mangsa tidak bebas sama ada dalam rumah mahupun ke luar rumah. Urusan permit juga dilewatkan sebagai langkah mengelakkan mangsa lari dan ini merupakan suatu tindakan manipulasi yang menakutkan mangsa.

“Selain itu, mangsa tidak dibenarkan melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Islam apabila tidak dibenarkan solat, berpuasa dan dipaksa memakan daging tidak halal sedangkan majikan cakna akan agama yang dianuti oleh mangsa,” katanya dalam sidang akhbar di pejabat JTK Negeri Sembilan di Wisma Persekutuan di sini hari ini.

Jelas Roslan, mengambil kira kesemua elemen tersebut, mangsa telah diselamatkan dan ditempatkan di sebuah rumah perlindungan di Kuala Lumpur sementara menunggu tindakan selanjutnya iaitu untuk menghantar mangsa pulang ke negara asal dengan kerjasama pihak kedutaan.

Tambah beliau, hasil siasatan lanjut, mangsa mendakwa pada awalnya ditawarkan sebagai untuk bekerja sebagai tukang cuci namun apabila tiba di negara ini dia perlu melakukan kerja sebagai pembantu rumah kepada majikannya itu dan perlu bekerja sehingga 16 jam selain turut mengemas rumah kenalan majikannya yang terletak di sekitar kawasan itu.

Susulan itu, katanya, majikan mangsa berusia 47 tahun yang tinggal di Kuala Lumpur, dipanggil untuk membantu siasatan mengikut Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 (Pindaan 2022).

“Kami rasakan operasi ini perlu didedahkan supaya masyarakat khususnya majikan tahu mengenai isu buruh paksa ini. Kemungkinan masyarakat anggap perkara ini biasa tetapi apabila kita mengaitkan dengan beberapa indikator, apa-apa tindakan yang jatuh di bawah indikator tersebut boleh tergolong dibawah kesalahan buruh paksa,” katanya.-
[UTUSAN.](#)

Kelucuhan Melampau Terhadap 4 Wanita, Remaja Lelaki Mengaku Bersalah

<https://sarawakvoice.com/kelucuhan-melampau-terhadap-4-wanita-remaja-lelaki-mengaku-bersalah/>

Sumber: Sarawak Voice



Kelucuhan melampau: Tertuduh dibawa keluar oleh anggota polis dari Mahkamah Majistret menuju bilik tahanan sementara mahkamah.

KUCHING: Seorang remaja lelaki mengaku bersalah di hadapan Mahkamah Majistret di sini, hari ini, atas kesalahan mencabul kehormatan, melakukan kelucuhan melampau dan menceroboh masuk rumah salah seorang mangsa wanita.

Tertuduh berusia 19 tahun membuat pengakuan itu sebaik sahaja enam pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali.

Mengikut pertuduhan pertama, dia didakwa di bawah Seksyen 447 Kanun Keseksaan kerana telah menceroboh masuk ke dalam rumah seorang lelaki warga emas berusia 73 tahun di Taman Kong Tiong, Jalan Stephen Yong, sekitar jam 10.30 petang, 6 Disember 2022.

Manakala pertuduhan kedua hingga ke kelima, dia didakwa mengaibkan kehormatan dengan menunjukkan kemaluannya untuk dilihat oleh empat orang mangsa wanita berusia 20 tahun hingga 35 tahun dalam empat kejadian berasingan di kawasan kediaman mangsa di sekitar Daerah Padawan pada 6 Disember 2022, 24 Mac lepas dan 1 April lalu.

Bagi keempat-empat pertuduhan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan, yang membawa hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pertuduhan keenam, dia didakwa mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan kerana mencabul kehormatan seorang wanita warga asing di atas tangga sebuah bangunan di MJC Batu Kawa, kira-kira jam 7.30 malam, 8 April lepas.

Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebatan atau mana-mana berkaitan.

Walau bagaimanapun, mahkamah menetapkan tarikh pendengaran laporan sosial pesalah muda itu pada 24 Mei depan, selain membebaskan tertuduh dengan jaminan tunai RM10,000 beserta seorang penjamin.

Difahamkan, kesemua kejadian, tertuduh mengekori mangsa wanita yang dilihat bersendirian sehingga ke tempat sunyi lalu terus menunjukkan kemaluannya selain meminta mangsa untuk melakukan hubungan seks dengannya.

Selain itu, tertuduh sanggup menceroboh masuk ke dalam rumah mangsa atau berada di hadapan pagar rumah sebelum melakukan perbuatan terkutuk itu.

Pendakwaan kes dikendalikan secara berasingan oleh tiga orang Pegawai Pendakwa iaitu Inspektor Mohd Adzmei Ahmad, Inspektor Merylene Lindan Andrew Mang dan Inspektor Nur Syafiq Nyaie Ilin.



Abdul Ghani (kanan) terkedu melihat jenazah anak dan cucunya di pekarangan Rumah Mayat HSNZ, Kuala Terengganu hari ini.

Anak Cucu Tidak Kunjung Tiba, Rupanya Mati Kemalangan

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/19/anak-cucu-tidak-kunjung-tiba-rupanya-mati-kemalangan/>

Sumber: Kosmo

KUALA TERENGGANU – Kiriman pesanan menerusi aplikasi WhatsApp pukul 5 pagi menjadi penghubung terakhir antara seorang pemandu e-hailing dengan bapanya sebelum dia maut dalam kemalangan bersama anak perempuannya di Pulau Kerangga, Marang hari ini.

Abdul Ghani Sulong, 69, berkata, berdasarkan kiriman pesanan tersebut, anaknya, Subhi Sayuti, 43, memberitahu mereka berhenti bersahur di Kijal, Kemaman.

Menurut warga emas itu, dia kemudian ke surau berhampiran untuk menunaikan solat subuh sambil menunggu ketibaan Subhi bersama anak perempuan sulung, Syuhada Hafiya, 7.

“Lama saya menunggu namun Subhi yang ditunggu tidak kunjung tiba. Pada mulanya saya menyangkakan dia mungkin berhenti berehat.

“Begitupun, kami kemudiannya dikejutkan dengan berita arwah telah meninggal dunia dalam kemalangan manakala cucu saya kritikal pada pukul 10 pagi,” katanya ketika ditemui di pekarangan Rumah Mayat Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di sini hari ini.

Abdul Ghani berkata, tambah memilukan, dia menerima berita buruk kedua iaitu pemergian cucunya, Syuhada Hafiya sebaik tiba di HSNZ.

Dia berkata, isterinya, Fatimah Karim, 65, yang menghidap kanser usus juga sedang menjalani rawatan di hospital sama.

“Ikut perancangan asal, arwah anak saya dan anak sulungnya sepatutnya beraya dengan kami di Taman Hidayah, Marang manakala isterinya, Nurhaliza Henderi, 30-an, dan anak bongsu mereka pula beraya di Sandakan, Sabah.

“Isterinya berhajat beraya di kampung halamannya kerana sepanjang perkahwinan mereka, belum dia pernah meraikan Aidilfitri di Sabah. Anak saya (Subhi Sayuti) mengizinkannya,” katanya.

Abdul Ghani berkata, tragedi yang berlaku beberapa hari sebelum 1 Syawal ini sangat memberi kesan kepada keluarganya, namun mereka reda. – KOSMO! ONLINE